

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PM: Ekonomi negara mula beransur pulih

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan hari ini ekonomi negara mula beransur pulih dan pemotongan belanjawan, termasuk elaun perjalanan, hanyalah langkah sementara.

Bercakap kepada para pemberita selepas memengerusikan mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi Umno di sini, beliau menjelaskan pemotongan itu akan ditarik balik jika keadaan mengizinkan.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai arahan yang dikeluarkan su-

paya semua jabatan, agensi kerajaan dan badan berkanun menjimatkan penggunaan telefon dan penghawa dingin mulai Isnin.

Sebelum ini, Datuk Seri Dr Mahathir mengeluarkan arahan supaya Setiausaha-setiausaha Politik, Setiausaha Akhbar serta pegawai-pegawai yang setaraf mengurangkan tuntutan elaun perjalanan.

Perdana Menteri berkata, pemotongan itu dapat menyelamatkan sedikit wang kerajaan tetapi memberi kesan yang besar kepada negara.